## MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

# *Amalkan Kitarsemula*




**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN, KESIHATAN AWAM & PELESENAN**

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

**Program Kitarsemula M.P.P.P.**

**Tuan/Puan,**

Majlis kini sedang melaksanakan program kitarsemula di kawasan tuan/puan. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan sekeluarga telah dipilih untuk menyertai program ini. Kerjasama sepenuhnya daripada tuan/puan amat diperlukan kerana program ini memanfaatkan kita semua.

BERSAMA-SAMALAH KITA MENJAYAKANNYA.

**APAKAH KITARSEMULA?**

Kitarsemula bermaksud mengguna semula bahan yang telah diguna dan pembikinan sesuatu produk dari bahan yang telah diguna setelah rawatan.

**KENAPA KITA KITARSEMULA?**

Kita kitarsemula untuk

(i) memelihara sumber alam semula jadi

(ii) mengurangkan bahan buangan

(iii) menjimatkan kos pelupusan sampah.

Sebagai permulaannya marilah kita guna semula KERTAS, BOTOL KACA dan TIN ALUMINIUM. Cara untuk melaksanakannya diilustrasikan di muka sebelah.

Terima kasih atas penyertaan tuan/puan.

## APA HARUS KITA BUAT ?

### 1 Kumpulkan bahan-bahan yang dapat dikitarsemula:-




**Kertas**... Contohnya suratkhabar, buku, majalah, kotak kadbod, beg kertas, pembalut atau sebarang bahan kertas.




**Botol**...hanya botol kaca diperlukan...elakkan botol yang pecah!




**Tin Aluminium**...hanya tin aluminium minuman sahaja diperlukan... elakkan tin penyembur.

### 2 CARTA ALIRAN SAMPAH DOMESTIK / BAHAN KITARSEMULA




**Simpanlah bahan kitarsemula selama 1 MINGGU. Harap keluarkan bahan kitarsemula tuan/puan pada setiap pagi AHAD untuk pungutan.**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**
Jalan Padang Kota Lama, Pulau Pinang.
No. Telefon: 04-2633000

BPA 11/2002